

Boleh pinjam jika gaji bersih lebih 40 peratus

SINAR HARIAN 19/5/17
KUANTAN - Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) memberi penekanan bahawa permohonan pinjaman kewangan membabitkan kakitangannya hanya boleh dilakukan apabila gaji bersih mereka melebihi daripada 40 peratus.

Yang Dipertuanya, Datuk Fadzilla Salleh berkata, garis panduan itu penting bagi memastikan tidak wujud masalah hutang yang serius dalam kalangan kakitangannya sehingga memberi kesan negatif kepada mereka sewaktu menjalankan tugas.

Beliau mengakui bimbang dengan masalah tersebut kerana ia boleh memberi kesan kepada pekerjaan.

"Saya bimbang jika mereka ada bebanan hutang tinggi...ia boleh jejas prestasi dan integriti dalam melaksanakan tugas. Malah ia sekali gus beri dorongan untuk melakukan salah laku seperti rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

"Jadi, kita akan beri nasihat kepada mereka agar berbelanja secara berhemah... perkara ini bagi mengelak masalah kos perbelanjaan mereka tak mencukupi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan majlis Sambutan Hari Pekerja 2017 peringkat MPK di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, semalam.



Fadzilla (tiga, kiri) menyampaikan anugerah tokoh majikan 2017 kepada Surish Mihat pada Sambutan Hari Pekerja 2017 Peringkat MPK di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, semalam.